LAMPIRAN A

SOAL SELIDIK AMALAN PENGETUA SEBAGAI PEMIMPIN PENYELIAAN DI SEKOLAH DAN KESANNYA KEPADA SIKAP GURU-GURU TERHADAP PENYELIAAN PENGAJARAN

BAHAGIAN 1 : MAKLUMAT DIRI (LATAR BELAKANG)

Arahan : Sila tandakan [/] pada ruangan yang disediakan bertepatan mengenai diri cikgu.

1. Jantina

   [ ] Lelaki [ ] Perempuan

2. Umur

   [ ] Kurang 30 tahun
   [ ] 30 – 34 tahun
   [ ] 35 – 39 tahun
   [ ] 40 – 45 tahun
   [ ] Lebih 45 tahun

3. Kelulusan akademik tertinggi

   [ ] SPM/MCE/SC/SPVM
   [ ] STPM/HSC
   [ ] DIPLOMA
   [ ] IJAZAH

4. Kelulusan profesional tertinggi

   [ ] Sijil Perguruan
   [ ] Diploma Pendidikan
   [ ] Ijazah Pendidikan
   [ ] Lain-lain (nyatakan:.....)

5. Kategori jawatan sekarang

   [ ] DG 6
   [ ] DG 5
   [ ] DG 4
   [ ] DG 3
   [ ] Lain-lain (nyatakan:.....)

6. Taraf jawatan

   [ ] Sandaran
   [ ] Percubaan
   [ ] Disahkan dalam jawatan
   [ ] Tetap dan berpencen

7. Pengalaman mengajar

[ ] kurang 3 tahun
[ ] 3 – 5 tahun
[ ] 6 – 10 tahun
[ ] 11 – 15 tahun
[ ] Lebih 15 tahun

8. Mata pelajaran dan tingkatan yang cikgu ajar sekarang

Mata pelajaran	Tingkatan
i.	.....
ii.	.....
iii.	.....

9. Berapa kalikah cikgu pernah menghadiri kursus dalam perkhidmatan sepanjang perkhidmatan cikgu

[ ] Tidak pernah
[ ] Kurang 3 kali
[ ] 4 – 6 kali
[ ] 7 – 9 kali
[ ] 10 kali dan lebih

BAHAGIAN II:

Sila jawab dan jelaskan secara ringkas (karangan pendek) soalan-soalan berikut.

1. Apakah pengalaman terbaik dan terburuk anda sewaktu penyeliaan pengajaran di sekolah? Sila gunakan sekurang-kurangnya satu rangkaikata di bawah ini bagi membantu anda menjelaskan kedua-dua situasi tersebut.

   Situasi baik:

   i. penyeliaan sebagai pengiktirafan keupayaan dan kebolehan guru;
   ii. penurunan kuasa kepada guru di dalam bilik darjah;
   iii. sesuatu yang dapat dilihat pada masa itu;
   iv. suatu yang dapat membimbing dan membantu; dan
   v. alat kepada peningkatan profesionalisme.

   Situasi buruk:

   i. penyeliaan sebagai suatu pertunjukan dan lakonan;
   ii. satu senjata untuk sesuatu tindakan selanjutnya;
   iii. tidak berfaedah dan kerja harian yang tidak dapat dilihat;
   iv. sesuatu yang telah ditetapkan seperti "check-list"; dan
   v. sesuatu yang tidak diingini.

2. Apakah yang anda percaya seseorang guru itu dapat daripada penyeliaan pengajaran di sekolah?

3. Apakah yang diperlukan dan diinginkan oleh seseorang guru itu daripada penyeliaan pengajaran di sekolah?

4. Apakah ciri-ciri kepimpinan yang anda percaya seseorang pentadbir perlu tunjukkan bagi membantu perkembangan dan peningkatan guru?

BAHAGIAN III

Bahagian ini bertujuan untuk meninjau pandangan cikgu terhadap amalan pengetua sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah.

Arahan: Sila nyatakan kekerapan amalan Pengetua cikgu sebagai pemimpin penyeliaan pengajaran di sekolah dengan membulatkan angka yang bertepatan dengan kenyataan berdasarkan petunjuk berikut:

1. Tidak Pernah
2. Jarang-jarang
3. Kadang-kadang
4. Selalu
5. Amat selalu

1.	Menunjukkan sifat 'sense of humor' sewaktu menjalankan aktiviti penyeliaan.	1	2	3	4	5
2.	Memberi cadangan dan buah fikiran untuk mempertingkatkan prestasi pengajaran guru	1	2	3	4	5
3.	Menunjukkan cara penggunaan bahan pengajaran serta strategi pengajaran baru	1	2	3	4	5
4	Membimbing guru menggunakan teknik pengajaran yang berkesan	1	2	3	4	5
5.	Menyediakan alat bantu mengajar di sekolah bagi kegunaan guru	1	2	3	4	5
6.	Memberi dan menyampaikan maklumat kepada guru mengenai peluang-peluang untuk memperbaiki taraf profesionalisme mereka	1	2	3	4	5
7.	Mengenal pasti dan mendapatkan sumber-sumber maklumat mengenai bahan-bahan pengajaran yang diperlukan di sekolah	1	2	3	4	5
8.	Membantu guru dalam membina keyakinan diri sewaktu menyampaikan pengajaran	1	2	3	4	5
9.	Bersama guru menentukan pilihan penggunaan buku teks dan bahan pengajaran dan pembelajaran sekolah	1	2	3	4	5

10	Memaklumkan kepada guru mengenai hasil sesuatu seminar atau kursus yang telah dihadirinya	1	2	3	4	5
11.	Membantu guru dalam memenuhi keperluan dan kelengkapan yang diperlukan di dalam kelas	1	2	3	4	5
12.	Memastikan setiap guru memahami aspek-aspek asas dalam pengajaran dan memahami sukatan pelajaran yang diajar	1	2	3	4	5
13.	Memberikan dorongan dan peluang bagi membolehkan sesama guru mengadakan perbincangan mengenai kerjaya mereka	1	2	3	4	5
14.	Memberikan maklum balas kepada setiap orang guru setelah mencerap pengajaran di dalam kelas	1	2	3	4	5
15.	Menggalakkan guru-guru mengguna dan mengembangkan cara pengajaran mereka sendiri	1	2	3	4	5
16.	Membantu guru menyelesaikan masalah yang ada kaitan dengan tugas pengajaran mereka	1	2	3	4	5
17.	Mengambil inisiatif menganjur atau menjalankan sesuatu penyelidikan di sekolah	1	2	3	4	5
18.	Membuat demonstrasi pengajaran kepada guru di dalam kelas	1	2	3	4	5
19.	Membantu guru merancang pengajaran bagi tujuan mencapai matlamat yang dikehendaki	1	2	3	4	5
20.	Membantu guru memilih dan menentukan aktiviti-aktiviti pengajaran yang sesuai	1	2	3	4	5
21.	Membantu guru menilai keberkesanan pengajaran yang telah mereka jalankan	1	2	3	4	5

22.	Menyediakan laporan pelaksanaan program kurikulum di sekolah	1	2	3	4	5
23.	Membuat cadangan untuk perubahan program kurikulum di sekolah	1	2	3	4	5
24.	Berbincang dengan guru bagi mendapatkan bahan pengajaran yang mencukupi untuk kegunaan sekolah	1	2	3	4	5
25.	Menggalakkan guru membuat rujukan dari mana-mana pusat sumber atau perpustakaan	1	2	3	4	5
26.	Mengatur dan menganjurkan program ceramah, bengkel, seminar dan kursus mengenai pengajaran dan kurikulum di sekolah	1	2	3	4	5
27.	Memeriksa buku rekod mengajar guru	1	2	3	4	5
28.	Memeriksa buku latihan pelajar	1	2	3	4	5
29.	Menghadiri mesyuarat panitia mata pelajaran	1	2	3	4	5
30.	Mencerap guru mengajar di dalam kelas	1	2	3	4	5

BAHAGIAN IV:

Bahagian ini bertujuan untuk meninjau sikap cikgu terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh Pengetua di sekolah.

Arahan: Sila bulatkan angka yang bertepatan dengan kenyataan yang menggambarkan sikap dan tanggapan cikgu berdasarkan petunjuk berikut:

1. Sangat Tidak Setuju
2. Tidak Setuju
3. Tidak Pasti
4. Setuju
5. Sangat Setuju

1.	Penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh Pengetua dapat mempertingkatkan prestasi pengajaran guru	1	2	3	4	5
2.	Penyeliaan hanyalah untuk melihat prestasi guru dari semasa ke semasa	1	2	3	4	5
3.	Penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh Pengetua bertepatan dengan harapan guru	1	2	3	4	5
4.	Pengetua perlu menjalankan penyeliaan ke atas pengajaran semua guru bagi mempastikan objektif pengajaran tercapai	1	2	3	4	5
5.	Penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh Pengetua di dalam kelas **TIDAK** menyebabkan guru merasa cemas dan **TIDAK** mengganggu pengajaran guru	1	2	3	4	5
6.	Pengetua tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan profesional yang cukup untuk menjalankan tugas-tugas penyeliaan pengajaran di sekolah	1	2	3	4	5
7.	Penyeliaan pengajaran oleh Pengetua di dalam kelas **BUKAN** bertujuan mencari kelemahan dan kesalahan guru semata-mata	1	2	3	4	5

SEKIAN, TERIMA KASIH.

LAMPIRAN B

(Untuk Dijawab oleh Pengetua sahaja)

Sila jawab sama ada *betul* (B) atau *salah* (S) setiap kenyataan di bawah dengan jujur. Jawab *benar* jika kenyataan itu menggambarkan secara umum kecenderungan yang pernah anda pegang atau sedang pegang. Jika kenyataan menggambarkan kecenderungan anda dalam kebanyakan situasi walaupun bukan semua, jawab *benar*. Jika sebaliknya, jawab *salah*.

1.	Penyeliaan pada dasar adalah mencari kesalahan guru.	B	S
2.	Pendekatan bimbingan yang terarah adalah yang paling sesuai kepada guru pada peringkat rendah peribadi dan perkembangan staf .	B	S
3.	Mengajar ialah sesuatu yang sangat kompleks, khusus, aktiviti interaktif	B	S
4.	Kepentingan organisasi selalunya adalah keperluan kedua kepada kebanyakan individu	B	S
5.	Kedudukan penyelia dalam hirarki dibandingkan dengan guru tidak membawa masalah	B	S
6.	Hirarki dalam pentadbiran adalah perlu untuk keberkesanan sesuatu organisasi	B	S
7.	Saya tidak selesa bekerja dengan guru sebagai rakan kongsi	B	S
8.	Penyeliaan ialah sesuatu yang memberi guru bantuan khusus dalam peningkatan pengajaran	B	S
9.	Penyeliaan ialah sesuatu pemeriksaan dan analisis tingkah laku pengajaran bilik darjah supaya dapat dibuat cadangan bentuk tindakan yang boleh diambil oleh guru	B	S
10.	Guru boleh membantu penyelia bagi meningkatkan prestasi mereka	B	S
11.	Kebanyakan guru adalah terarah kendiri	B	S
12.	Penyelia sepatutnya pakar dalam bidang diagnosa	B	S
13.	Penyeliaan ialah satu proses kolaboratif di mana penyelia dan guru berbincang bagi meningkatkan pengajaran	B	S

14.	Penyeliaan ialah sesuatu untuk mencari kesalahan dan mengadakan dialog dengan guru untuk menyedarkan mereka tentang kepesongan tersebut.	B	S
15.	Fokus penyeliaan sepatutnya ialah tentang membantu guru berubah dan meningkatkan pengajaran	B	S
16.	Tanpa bimbingan guru-guru umumnya tidak boleh membuat perubahan	B	S
17.	Realiti di dalam bilik darjah pada dasarnya ialah subjektif bukan objektif, dan pengajaran ialah usaha yang kompleks dan memerlukan kajian yang berterusan	B	S
18.	Walaupun, kolaborasi penyelia-guru adalah penting tetapi penilaian penyelialah yang akhirnya patut berkuasa	B	S
19.	Sekolah ialah pusat pertanyaan di mana guru sendiri mesti andaikan bertanggung jawab kepada kecemerlangan pengajaran	B	S
20.	Penilaian kendiri guru memainkan peranan penting dalam peningkatan pengajaran	B	S
21.	Penyelia ialah agen kepada peningkatan pengajaran	B	S
22.	Pendekatan kualitatif kepada peningkatan pengajaran adalah sama keesahannya dengan pendekatan kuantitatif	B	S
23.	Penyelia membantu guru berubah	B	S
24.	Dialog reflektif ialah komponen perlu penyeliaan	B	S
25.	Aktiviti peningkatan pengajaran termasuklah bimbingan rakan sejawatan, projek kajian tindakan dan kumpulan penyelesai masalah lebih daripada aktiviti perkembangan yang tradisional	B	S
26.	Penyeliaan terutamanya ialah bertanya tentang pemeriksaan yang membantu amalan guru di dalam bilik darjah	B	S
27.	Apabila saya memberi kritikan yang konstruktif kepada guru, saya berharap mereka mempertimbangkan secara berhati-hati	B	S
28.	Guru yang berpengalaman dan berpotensi tinggi sepatutnya mempunyai kawalan penuh terhadap perkembangan profesional mereka	B	S
29.	Penyelialah pada akhirnya yang menentukan apa dan bagaimana guru-guru itu patut mengajar	B	S

30.	Guru-guru sepatutnya digalakkan untuk menjalankan matlamat pendidikan dan keputusan kurikulum sendiri	B	S
31.	Guru-guru sepatutnya diberi pilihan atas bagaimana mereka mahu mengajar	B	S
32.	Guru-guru tidak sepatutnya menurut peraturan rasmi jika mereka rasakan ia akan mengganggu kebajikan pelajar	B	S
33.	Guru-guru tidak meluangkan masa yang mencukupi untuk berfikir tentang cara-cara bagi meningkatkan pengajaran	B	S
34.	Penyelia sepatutnya mencipta peluang-peluang kepada guru-guru untuk membuat pilihan peribadi dan profesional, dan bukannya membentuk tingkah laku mereka	B	S
35.	Penyelia sepatutnya mendengar dan memberi perhatian sepenuhnya hasrat guru dan memberikan penilaian yang kritikal dan idea yang konstruktif untuk perubahan	B	S
36.	Sekolah akan meningkat terutamanya apabila terdapat norma-norma "collegiality' dalam mana perbincangan bersama dan bekerjasama antara semua staf telah wujud	B	S
37.	Pada asasnya pengetahuan penyelia secara umumnya lebih tinggi daripada guru	B	S
38.	Penyelia sepatutnya sentiasa mencari input daripada guru, ibu bapa dan pelajar tentang cara-cara bagi meningkatkan pengajaran	B	S
39.	Kebanyakan guru tidak memerlukan arahan yang khusus atas apa untuk mengajar dan bagaimana untuk mengajar	B	S
40.	Penyelia sepatutnya mempunyai kepakaran yang lebih daripada guru lebih-lebih lagi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran	B	S

SEKIAN, TERIMA KASIH

Bahagian Sekolah,
Kementerian Pendidikan
Paras 5, Blok J Selatan
Pusat Bandar Damansara
50604 Kuala Lumpur

Telefon : 2556900

KP(BS)8591/Jld.II(77)

11 November 1987

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.B. Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1987:

Penyeliaan Pengajaran-Pembelajaran
Di Dalam Kelas Oleh Pengetua/Guru Besar Sekolah

Tugas dan fungsi Pengetua/Guru Besar sebagai pemimpin profesionalisme, pengurus dan pentadbir hari ini adalah berbagai-bagai. Sebagai pemimpin profesionalisme di sekolahnya, tanggungjawab utama seorang Pengetua/Guru Besar ialah untuk memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolahnya. Pelaksanaan kurikulum dijalankan melalui proses dan aktiviti pengajaran-pembelajaran oleh guru-guru dan keberkesanan pelaksanaan kurikulum di sekolah memerlukan penyeliaan yang rapi dan sistematis dari pihak Pengetua/Guru Besar sekolah itu. Ini termasuklah penyeliaan pengajaran-pembelajaran terhadap guru di dalam kelas yang sepatutnya menjadi perkara yang diutamakan dalam senarai tugas dan tanggungjawab Pengetua/Guru Besar. Oleh itu dan dengan tujuan mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran-pembelajaran di sekolah, Pengetua/Guru Besar hendaklah diperingatkan bahawa penyeliaan pengajaran-pembelajaran di dalam kelas adalah merupakan tugas yang amat penting.

2. Berikut adalah syor garis panduan bagi melaksanakan tugas penyeliaan di dalam kelas:

2.1 Rasional

2.1.1 Pelaksanaan kurikulum adalah unsur TERAS fungsi institusi persekolahan. Dengan itu perhatian yang lebih hendaklah diberikan kepada penyeliaan pengajaran-pembelajaran.

2.1.2 Sebagai pemimpin profesionalisme di sekolah, Pengetua/Guru Besar adalah pelaksana utama kurikulum di sekolahnya. Oleh itu tugas penyeliaan pengajaran-pembelajaran adalah merupakan tugas terpenting yang perlu dititikberatkan.

2.1.3 Penyeliaan adalah satu aspek terpenting dalam pentadbiran, pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Oleh itu penyeliaan tidak boleh dipisahkan dari peranan Pengetua/Guru Besar sebagai pengurus, pentadbir dan pemimpin profesionalisme di sekolahnya.

2.2 Tujuan

2.2.1 Mempertingkatkan daya profesionalisme Pengetua/Guru Besar dan dan guru-guru dalam melaksanakan kurikulum sekolah melalui proses pengajaran-pembelajaran sejajar dengan falsafah, matlamat dan objektif sistem pendidikan negara.

2.2.2 Berkongsi pengetahuan dan pengalaman bagi meluaskan sumber maklumat kepada Pengetua/Guru Besar untuk memperbaiki proses pengajaran-pembelajaran di sekolahnya. Sumber maklumat ini juga boleh digunakan oleh Pengetua/Guru Besar sebagai asas untuk menilai seseorang guru bagi tujuan tertentu.

2.2.3 Memupuk, memelihara dan memperkukuhkan hubungan profesionalisme dan interaksi yang positif antara Pengetua/Guru Besar dengan guru, guru dengan guru dan antara guru dengan murid.

2.2.4 Membantu guru-guru menjalankan tugas harian dengan lebih berkesan dan membentuk sikap guru ke arah yang lebih positif.

2.3 Bidang

2.3.1 Penyeliaan pengajaran-pembelajaran hendaklah ditumpukan kepada 2(dua) bidang:

a. bidang organisasi dan
b. bidang pengajaran dan pembelajaran.

Bidang Organisasi

Di antara ciri-ciri organisasi yang perlu diberi perhatian ialah:

i. Iklim kelas:

organisasi kelas
kawalan murid
komunikasi
motivasi
sikap murid
kebersihan dan perhiasan

ii. Penyeliaan gerakerja
iii. Penilaian prestasi.
iv. Profil murid
v. Panitia matapelajaran

Kesemua ciri ini adalah merupakan petunjuk yang boleh membantu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Bidang Pengajaran dan Pembelajaran

Di antara ciri-ciri yang perlu diperhatikan ialah:

i. Rancangan pengajaran:
Objektif
Isi kandungan
ii. Persediaan alat/bahan pengajaran dan penggunaannya.
iii. Penyampaian isi pelajaran.
iv. Teknik bersoaljawab.
v. Interaski guru murid.
vi. Penggunaan masa.

2.4 Prinsip Perlaksanaan

2.4.1 Penyeliaan pengajaran-pembelajaran di kelas hendaklah dijalankan oleh Pengetua/Guru Besar ke atas semua guru.

2.4.2 Rekod penyeliaan pengajaran-pembelajaran di kelas hendaklah dicatit dengan ringkas dan tepat.

2.4.3 Penyeliaan pengajaran-pembelajaran hendaklah dirancang dengan seimbang dari segi masa, matapelajaran, tingkatan/tahun dan guru.

2.4.4 Tugas penyeliaan ini boleh dijalankan dengan bantuan Penolong Kanan dan Penyelia Petang. Walau bagaimanapun tanggungjawab sepenuhnya terletak di tangan Pengetua/Guru Besar.

2.4.5 Penyeliaan pengajaran-pembelajaran di kelas hendaklah dijalankan secara sistematis dan berlandaskan hubungan profesionalisme dengan guru-guru dan bukan untuk mencari kesalahan. Dalam usaha mempertingkatkan prestasi pengajaran-pembelajaran di kelas, Pengetua/Guru Besar perlu mendapat maklumat yang tertentu. Maklumat-maklumat itu dapat digunakan oleh Pengetua/Guru Besar sebagai asas perbincangan dengan guru-guru.

Surat Pekeliling ini adalah untuk mengingatkan kembali mengenai peri mustahaknya tugas-tugas penyeliaan pengajaran-pembelajaran sebagai salah satu tugas dan tanggungjawab

Pengetua/Guru Besar. Ia tidak sekali-kali menafikan pentingnya tugas-tugas dan tanggung-jawab kepimpinan dan penyeliaan seorang Pengetua/Guru Besar dalam lain-lain aspek pentadbiran dan pengurusan sekolah. Oleh itu Pengetua/Guru Besar perlu diingatkan mengenai peri pentingnya melaksanakan tugas-tugas secara yang seimbang agar pelaksanaan suatu tugas tidak akan menyebabkan tugas-tugas lain tidak diberi perhatian sewajarnya.

4. Harap maklumkan kandungan Surat Pekeliling Bil. 3/1987 ini kepada semua sekolah di negeri Y.B. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATUK WIRA ABDUL RAHMAN HAJI ARSHAD
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia.
2. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Dr. Leo Michael Toyad Timbalan Menteri Pendidikan.
3. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Encik Woon See Chin, Timbalan Menteri Pendidikan.
4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan.
5. Ketua Pengarah Pendidikan Kementerian Pendidikan.
6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I Kementerian Pendidikan
7. Timbalan Ketua Setiausaha I Kementerian Pendidikan.
8. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II Kementerian Pendidikan.
9. Timbalan Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan.
10. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan.
11. Ketua Jemaah Nazir Kementerian Pendidikan.
12. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pendidikan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
PARAS 2, 3 DAN 5, BLOK J
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Telefon : 03-2586900
Faks : 03-2554960
Laman Web : http://161.142.144.5

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 (1132)
Tarikh : 12 Disember 2000.

En. Mohd. Zaki bin Zakaria,
114, Jln. Persiaran Melati,
Taman Melati, Setapak,
53100 KUALA LUMPUR.

Tuan,

Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian bertajuk:

"Amalan Kepimpinan Penyeliaan Pengetua dan Sikap Guru Terhadap Penyeliaan Di Sekolah"

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang tuan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri yang berkenaan.** Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskhah laporan kajian tuan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. AMIR BIN MOHD. SALLEH)
b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan.

Pengarah,
Institut Pengetua,
UM.

UNIT PERHUBUNGAN, PENDAFTARAN DAN PENDIDIKAN SWASTA
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN
BANGUNAN ANJUNG FELDA
JALAN MAKTAB, OFF JALAN SEMARAK
50604 KUALA LUMPUR
Tel : (03) 26919044 , 26930777
Fax : (03) 26930736

JPWP 12-21/(40)
2 Januari 2001

Encik Mohd. Zaki bin Zakaria,
114, Jalan Persiaran Melati,
Taman Melati
53100 Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH SEKOLAH MENENGAH WILAYAH PERSEKUTUAN.

Dengan hormatnya saya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan/puan bertarikh 31 Januari 2001 untuk menjalankan kajian mengenai :-

" Amalan Kepimpinan Penyeliaan Pengetua Dan Sikap Guru Terhadap Penyelian Di Sekolah "

adalah diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

a. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada hanya apa yang terkandung di dalam `sampel kajian' yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan ini sahaja.
b. Tuan/puan dikehendaki mengemukakan senaskah `sampel kajian' dan hasil kajian tuan/puan ke Jabatan ini sebaik sahaja ianya selesai.
c. Sila kemukakan surat kebenaran ini ketika berurusan dengan pengetua sekolah yang berkenaan.
d. Kebenaran ini sah sehingga 31 Disember 2001 sahaja.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(CHE ANI BIN OMAR)
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

SK: Pengetua, SMK Tinggi Setapak, Kuala Lumpur.